

Pangruk Sulap penggegar semangat masyarakat marhaen

UB 25.2.2018 B6



CATATAN
KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN
MOHD ARUS

Pangruk Sulap nama kumpulan pelukis marginal di Sabah yang menghasilkan karya mereka melalui media cetakan kayu, salah satu genre seni lukis yang terawal menurut sejarah seni manusia.

Kumpulan yang dianggotai oleh sepuluh orang anak muda dari berbagai keturunan ini telah mendapat ilham dari kumpulan seni lukis Taring Padi dari Indonesia dan kumpulan ini telah menyuntik semangat untuk menubuhkan kumpulan seni secara kolektif.

Kumpulan marginal ini diasaskan oleh tiga anak muda dari Ranau diketuai oleh Rizo Leong, Mc Feddy dan Jirom Manjat. Kumpulan ini boleh dikatakan tidak mempunyai pendidikan seni visual yang formal melainkan Jirom Manjat yang mempunyai ijazah animasi digital walaupun terdapat anggota lain yang mempunyai ijazah dalam bidang lain umpamanya Rizo Leong pengasas kumpulan mempunyai kelulusan sebagai seorang jurutera sivil dan Mohd Hizal sedang menamatkan pengajian di peringkat sarjana dalam bidang psikologi.

Jirom yang mempunyai pendidikan seni lukis secara formal dari One Academy Kuala Lumpur telah menjadi pemangkin kepada kumpulan tersebut, beliau banyak memberikan tunjuk ajar serta menyuntik keterampilan serta konsepsi idea yang di dukung oleh ahli kumpulan pelukis ini.

Jelas sekali matlamat penubuhan kumpulan seni visual alternatif ini adalah bukan untuk menyertai kumpulan seni arus perdana yang banyak terdapat di ibu kota Kuala Lumpur atau bandar metropolitan Asia namun ia lebih bersifat bebas serta tidak di dominasi oleh pihak tertentu.

Menurut Rizo Leong beliau dan kumpulannya sangat tertarik dengan perjuangan serta aktiviti kumpulan Taring Babi, kumpulan band marginal Indonesia yang terkenal

REZO Leong dan teman pelukis Pangrok Sulap.

dengan lagu Anti-Military, Mahasiswa Sindiran, Sunset Tanah Anarki, Mafia Hukum dan sebagainya.

Pada mulanya kumpulan kolektif seni lukis ini beroperasi hanya di kaki gunung Kinabalu berhampiran pekan Ranau, lebih kurang 60 kilometer dari ibu kota Sabah, Kota Kinabalu, namun kini untuk kepentingan publisiti dan pemasaran sebuah studio sedang dibina di Taman Alam Mesra berdekatan dengan Universiti Malaysia Sabah.

Walau bagaimanapun, lokasi tersebut sangat sesuai kerana kumpulan seni lukis cetakan kayu ini bukan sahaja menghasilkan karya bertujuan untuk kelangsungan seni dan mengasah bakat mereka bahkan juga kumpulan seni marginal ini banyak membuat kerja amal serta aktiviti dengan masyarakat tempatan misalnya mengadakan bengkel di sekolah, serta projek bersama kanak-kanak di kawasan Ranau khidmat bakti bersama masyarakat kampung pendalaman terutamanya yang susah dan miskin.

Pangruk Sulap mula mendapat perhatian masyarakat Malaysia apabila karya mereka bertajuk Sabah Tanah Air ku telah di turunkan dalam pameran seni lukis 'Escape from the SEA' anjuran Japan Foundation pada tahun 2016 di Kuala Lumpur atas alasan karya kontroversi dan provokasi masyarakat awam.

Berdasarkan kepada tujuan penubuhan kumpulan Rezo Leong menegaskan bahawa kumpulan mereka adalah pentas menyambungkan masalah serta rintihan rakyat kepada pihak tertentu kerana di daerah pendalaman kebanyakannya masyarakat tertinggal dengan kemudahan asas serta infrastruktur moden yang dinikmati oleh penduduk negara ini.

Oleh sebab itu kumpulan seni ini bergerak bebas dan tidak mendapat bantuan atau dana dari mana-mana pihak bahkan untuk tujuan menampung perbelanjaan berkarya serta khidmat bakti dan beramal dengan masyarakat mereka.

mencetak baju serta menjual salinan karya cetakan mereka.

Pada mulanya mereka merasakan bahawa usaha mereka tidak mendapat perhatian namun apabila mereka membuat jerayawara seni dengan mengadakan bengkel, pameran serta acara pertemuan seni di merata daerah di negeri Sabah, sedikit sebanyak dapat menarik perhatian masyarakat luar dan juga tempatan hasilnya ramai mereka yang berkepentingan telah berduyun-duyun datang melawat ke bengkel mereka di Ranau untuk melihat dengan lebih dekat kerana aktiviti serta mesej yang mereka bawakan kepada khalayak tempatan agak unik dan berbeza dari pelukis di negeri Sabah.

Menurut sejarah seni lukis dunia seni cetakan kayu telah bermula di negeri China dan kemudiannya berkembang dengan pesatnya dinegara Jepun dan Korea. Di negeri China dan Jepun selain dari digunakan dalam mencetak huruf ia juga digunakan dalam ilustrasi buku, poster propaganda kerajaan oleh sebab itu seni cetakan kayu diperhalusi dan dimurnikan oleh pelukis Jepun dengan teknik yang

terkenal seperti Ukiyo-e umpamanya Katsushika Hokusai 1760-1849 dan Utamaro Kitagawa 1750-1806 sangat disanjung dan ramai pengikutnya di negara matahari terbit pada zaman itu.

Tidak dapat dinafikan pengaruh cetakan kayu sungguh kuat kerana berupaya menyuntik gaya serta teknik karya Paul Gauguin dan Vincent Van Gogh, oleh kerana medium grafik cetakan kayu adalah genre seni lukis yang sangat berkesan mereka yang berkepentingan telah berduyun-duyun datang melawat ke bengkel mereka di Ranau untuk melihat dengan lebih dekat kerana aktiviti serta mesej yang mereka bawakan kepada khalayak tempatan agak unik dan berbeza dari pelukis di negeri Sabah.

Oleh sebab itu tidak hairan jika pelukis seperti Francisco Goya, Pablo Picasso, Hokusai, pelukis aliran Ekspresionis Jerman seperti Kathie Kollwitz dan Emil Nolde sangat berminat berkarya dalam media tersebut. Justeru itu, melalui cetakan kayu banyak salinan lukisan yang boleh disebarluaskan kepada umum oleh sebab kos murah serta mudah untuk hasilkan dengan banyak. Cetakan kayu adalah media masyarakat marhaen dari sejak dahulu sudah menjadi media sosial perjuangan di seluruh dunia.

Oleh sebab itu pemilihan media yang dibuat oleh kumpulan ini sangat tepat dengan objektif serta matlamat berkarya yang berimpak tinggi maka banyak informasi yang ingin di sebarluaskan kepada masyarakat tercapai.

Kaedah berkarya kumpulan ini biasanya mereka berbincang dan mengadakan sumbang saran dalam kumpulan setelah mendapat persetujuan atas isu tertentu mereka mula menjalankan aktiviti melukiskan dengan arang dia atas papan lapis dan berjenis kayu yang dikutip serta di kumpul oleh mereka terutama yang terbuang di kawasan Ranau seterusnya mereka mengambil bahagian secara kumpulan mengukir sebelum diwarnakan dengan dakwat cetakan atau warna akrilik.

Yang paling menarik adalah proses mencetak yang tidak menggunakan roller atau penggelek seperti kebiasaan yang dilakukan oleh pelukis cetak konvensional tetapi sebaliknya mereka menggunakan batu sungai atau belakang sudu untuk memindahkan imej kepada kertas jika karya tersebut berukuran kecil. Tetapi untuk mencetak karya yang besar mungkin berukuran sebuah meja mereka akan bersama-sama menari sambil memijak acuan ukiran (Template) dari papan lapis tersebut untuk menyalin imej ke atas kertas atau kain yang di hamparkan di atas lantai.

Perbuatan ini adalah satu aktiviti yang sangat unik kerana terdapat unsur Seni Lukuan (Performances Art) yang jarang di persembahkan di negeri Sabah atau di Malaysia.

Menurut Rezo Leong, walaupun beliau dan dua sahabatnya menubuhkan kumpulan Pangruk Sulap namun dia sendiri tidak mahu di angkat sebagai ketua kerana menerurut beliau kesemua ahli kumpulan marginal ini adalah juga kolektifnya ketua dan jurucakap, jadi beliau sebenarnya mendapat ilham dari melihat kumpulan pelukis marginal dari Indonesia yang terkenal

Taring Padi.

Kumpulan pelukis Indonesia ini sentiasa berkarya untuk tujuan berkhidmat amal kepada masyarakat marhaen tempatan secara sukarela sama ada bergotong royong, berbengkel, serta membuat kerja sukarela sambil berkarya menyampaikan informasi kepada pihak pemerintah.

Pada tahun 2014 sebuah kumpulan muzik rock Taring Babi dari Indonesia telah membuat persembahan di Kundasang berdekatan pekan Ranau, melalui interaksi dengan kumpulan tersebut Rezo Leong ketika itu sangat berminat dengan usaha yang di lakukan oleh kumpulan rock ini kerana mereka berkarya untuk menyedarkan rakyat dengan mengutarkan isu semasa serta rintihan hati masyarakat desa kepada pengetahuan umum dan pemerintah melalui karya seni.

Kumpulan marginal seni 'Pangruk Sulap' mendapat nama dari dua singkatan kata iaitu 'Punk' dan 'Rock' serta sulap adalah loghat dusun bermakna pondok. Ahli dalam kumpulan pinggiran ini terdiri dari saudara Rezo Leong, Jirom Manjat, McFeddy, Mohd Hizal Nur Tasyareena, Rexella Mahir, Awang Sullfallah, Muhd Saffwan, Rayner Chew, dan Esther Buandi. Pangruk Sulap juga mendapat ilham dari kumpulan Anak Alam yang ditubuhkan oleh Pelukis Latif Mohidin pada tahun 1960an dahulu yang menjadi ikutan ramai anak muda pada waktu tersebut sehingga kini.

Kebanyakan karya kumpulan ini menekankan kepada unsur poster dan mural sebagai media awam. Oleh sebab itu terdapat unsur aliran hurufiah atau letterisme di dalam setiap karya kerana tujuannya adalah memberi sindiran dan mengutarakan komen sosial masyarakat yang perlu di tangani.

Sebagai contoh karya bertajuk 'This Land Is Mine' menggambarkan seekor orang utan yang berdiri diatas tumpul kayu di kawasan yang hanya tinggal

sisa kayu bekas di tebang. Imej yang sangat berkesan ini begitu dinamik serta menggerunkan kepada yang melihat. Tungul kayu yang berselerak muncul di bumi tersebut umpama kutil-kutil penyakit cacing yang membina-sakan bumi yang dulunya begitu subur dan hijau. Satu ingatan serta tumparan kepada khalayak bahawa spesies orang utan yang mewakili flora dan fauna bumi Sabah akan terhapus satu hari nanti, sama nasibnya seperti burung Dodo dan Harimau Tasmania yang hanya tinggal sejarah jika tidak di hentikan aktiviti membalak secara tidak terurus dan berleluasa.

Cogan kata bumi ini aku punya tidak membawa apa apa makna lagi pada ketika itu. Satu ingatan yang sangat bermakna. Karya tersebut adalah salah satu contoh isu yang di angkat oleh kumpulan tersebut.

Semoga dengan kemunculan Pangruk Sulap di kalangan kita ramai lagi seniman mengikuti contoh mereka kerana seni bukan hanya untuk dekorasi, menghiasi, atau pun media hiburan semata mata bahkan seni mempunyai peranan yang sangat besar membentuk manusia serta berupaya menjadi sesungut masyarakat (Zakaria Ali. 1989). Boleh di simpulkan pandangan Rezo Leong sebagai juru cakap kumpulan beliau apabila memilih untuk hidup secara bohemia seperti mana yang disuarakan oleh pelukis Albert Pinkham Ryder (1847-1917 seratus tahun yang lalu 'Artist need but a roof, a crust of bread, and his easel, and all the rest God gives him in abundance. He must live to paint and not paint to live').

Penulis ingin menyampaikan ucapan salam takziah kepada keluarga Francis Cheong Sung Yun yang telah meninggal dunia pada 11hb. Februari 2018.

*** PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).***



THIS Land Is Mine. Cetakan kayu.

